

Nama	Usul
zarishah binti zainol Rashid	<p>Asalamualaikum</p> <p>Khusus untuk pelajar yang tinggal di asrama. SMIH            Saya maklum pelajar di asrama mempunyai jadual makan sebanyak 4 kali iaitu minum pagi, tea break, makan tengahari dan makan petang (makan malam yang di awalkan sebelum maghrib) dibandingkan pelajar asrama penuh bantuan kerajaan sebanyak 6 kali sehari.</p> <p>saya tidak bercadang pihak sekolah menambahkan lagi slot makan anak -anak kerana akan pasti terpaksa nanti menambah yuran asrama., Yuran pengajian dan asrama Smih Rm 680 lebih, hampir 700 pun sudah dikira menyamai biaya anak-anak di jordan!</p> <p>Cuma saya ingin mengusulkan untuk membincangkan semula waktu makan mereka. Pelajar lelaki terutamanya faktor tumbesaran, mereka yang aktif, mereka akan berasa sangat lapar di waktu malam. Sekolah memang tidak menyediakan supper, apa yang saya fahamkan. Oleh itu saya usulkan agar slot waktu makan boleh di bincangkan semula dengan mengambil kira responsif anak-anak di asrama contohnya.</p> <p>misalan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) waktu break pukul 10 pagi dimansuhkan,ganti kepada minum petang oleh itu makan malam boleh dilewatkan selepas maghrib( mungkin mengganggu program yang banyak disusun selepas mghrib)</li> <li>2) atau waktu tea break 10 pagi dimansuhkan dan diganti dengan supper selepas habis prep</li> </ol> <p>Boleh pihak pengurusan asrama bincangkan kerana antara waktu sarapan, break dan makan tengahari sela masanya tak berapa jauh. Kerana lapar malamnya anak-anak ini difahamkan memesan makanan dari restoran berdekatan. Sudah cukup baik jika dengan kebenaran pengurusan asrama. Cuma bimbang mereka memesan tanpa mendapat keizinan pihak pengurusan. Alhamdulillah anak-anak ditarbiah ini masih boleh di kawal , Zaman saya di tahun 80an pelajar lelaki sampai memecah masuk dewan makan menyelongkar apa saja yang boleh dijadikan makanan atau fly dari asrama untuk mengisi tuntutan lapar walaupun mereka telah disediakan supper!...Anak lelakilah katakan ...itu saja usul saya terima kasih</p>

Pn Jamilah bt Ibrahim	<p>Asrama atas pada asalnya adalah merupakan rekabentuk rumah 2 bilik. Saya ingin mengusulkan agar dinding bilik di runtuhkan agar</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. ruang menjadi lebih lapang</li><li>2. pencahayaan lebih baik</li><li>3. susunan katil lebih teratur</li><li>4. pengudaraan juga lebih baik.</li><li>5. lebih selesa kepada anak-anak kita.</li><li>6 akan ada ruang untuk anak-anak berkumpul semasa lapang</li></ol> <p>Sekian. Terima kasih</p>
Alias Mohd	<p>Saya ingin mencadangkan supaya setiap ibubapa sekurang-kurangnya menjadi AJK PIBG sekali seumur hidup dan tempoh maksimum menjadi AJK PIBH disetkan kepada 2 tahun sahaja!.</p>

AGOES PRIYANTO	<p>Anak saya selepas SPM nak kemana? Saya ialah staf UTM luar negara dan kedua anak saya bersekolah di SMIH, saya risaukan selepas tamat SPM anak saya mau melanjut ke U mana, kerana matrikulasi tak boleh apply, ikut A level juga demikian nak apply ke U apalagi.</p> <p>Saya usul kepada pengurus sekolah SMIH untuk membantu anak yang dari luar negara support letter mendukung lulusan SPM sehingga boleh apply (memang kalau matrikulasi tak boleh - sudah aturan) balik ke negara untuk melanjutkan sekolah sekolah menengah tingkat III, sehingga dia dapat melanjutkan ke tingkat U di luar negara (indonesia) atau di malaysia.</p> <p>Atau support letter yang lain juga boleh.</p> <p>Terima kasih Wassalam</p> <p>Dr Agoes Priyanto</p>
-------------------	---

Samsulkamal bin Sumiri	<p>Assalamu'alaikum</p> <p>Yuran PIBG SM Islam Hidayah adalah RM25.00 setahun bagi satu keluarga. Ini bermakna jika seorang anak bersekolah di SMIH yuran PIBG adalah RM25.00 dan jika ada 5 orang anak yurannya pun masih RM25.00.</p> <p>Saya mencadangkan supaya yuran PIBG dinaikkan atas alasan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Yuran PIBG SMIH sebanyak RM25.00 adalah sejak sekolah ini ditubuhkan iaitu tahun 1995.</li><li>ii) Yuran PIBG sekolah yang mendapat bantuan penuh kerajaan seperti Sekolah Berasrama Penuh adalah RM120.00 setahun; apatah lagi sekolah kita ini.</li><li>iii) Perbelanjaan zaman kini memerlukan dana yang tidak sedikit untuk memenuhi keperluan dan keselesaan persekolahan anak-anak.</li><li>iv) Dana PIBG SMIH banyak membantu pihak sekolah dalam menjayakan program dan aktiviti pembelajaran yang kondusif.</li></ul> <p>Usul saya - yuran PIBG SMIH setahun RM25.00 satu keluarga dinaikkan ke RM100.00 seorang anak dan pertambahan RM10.00 bagi anak yang berikutnya untuk satu keluarga.</p> <p>Mudah-mudahan perbelanjaan yang kita keluarkan untuk pendidikan anak-anak diterima Allah sebagai amal jariah di akhirat nanti, amin.</p> <p>Terimakasih.</p>
---------------------------	--